

**MINIT MESYUARAT
MAJLIS BERSAMA JABATAN
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA
BIL. 1 TAHUN 2024**

Tarikh : 8 Februari 2024 (Khamis)
Masa : 9.30 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Perdana
Aras 18
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya

KEHADIRAN

PIHAK PEGAWAI

1. YBhg. Dato' Roslan Tan Sri Abdul Rahman - **Pengerusi**
Ketua Setiausaha MOTAC
2. YBhg. Dato' Shahrudin bin Abu Sohot
Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan), MOTAC
3. Encik Shafarin bin Nasuredin
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
4. Puan Nawiah binti Mohet
Setiausaha Bahagian
Bahagian Akaun
5. Puan Aini Zulfa binti Abd Rahim
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pentadbiran
6. Encik Ahmad Alsraf bin Ahmad Mokhtar
Pengarah
Pusat Pelancongan Malaysia
7. Encik Mohd Khairul bin Kassim
Presiden
Kelab Sukan, Kebajikan dan Sosial

8. Puan Fatimah Nazaliza binti Mohd Nasir
Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
9. Puan Noorziehan binti Sidin
Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
10. Encik Shankaran a/l Ramsomdram - **Setiausaha Pihak Pegawai**
Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

TURUT HADIR (PIHAK PEGAWAI)

11. Puan Nurul Ain binti Rashid
Pegawai Khas
Ketua Setiausaha
12. Encik Muhammad Amirul Shafiq bin Azlin Shah
Pegawai Teknologi Maklumat
Bahagian Pengurusan Maklumat

PIHAK PEKERJA

13. Encik Mohd Firdaus bin Mohamed Ramli - **Pengerusi Pihak Pekerja**
Kumpulan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (Gred M41-M48)
Bahagian Pembangunan Prasarana
14. Puan Jojo Lizawati binti Salim - **Timb. Pengerusi Pihak Pekerja**
Kumpulan Akauntan/ Juruaudit/ Penolong Akauntan/ Penolong Juruaudit
(Gred W29-W48)
Bahagian Akaun
15. Puan Nurul Ashikin binti Samat - **Setiausaha Pihak Pegawai**
Kumpulan Pegawai Teknologi Maklumat/ Penolong Pegawai Teknologi Maklumat/
Juruteknik Komputer (Gred FT19-FT22/FA29-FA32/F41-F44)
Bahagian Pengurusan Maklumat

16. Puan Wan Hakimah binti Abd Rahim
Kumpulan Pegawai Perhubungan Awam/ Penolong Pegawai Perhubungan Awam
(Gred S29-S48)
Unit Komunikasi Korporat
17. Puan Zurina binti Zainal Abidin Shah
Kumpulan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (Gred M41-M48)
Pejabat MOTAC Negeri Sarawak
18. Encik Zul Hilmi bin Suhaimi @ Bainah
Kumpulan Pegawai Arkib/ Pegawai Psikologi/ Penolong Pegawai Psikologi/
Kurator/ Pegawai Hal Ekwil Islam/ Penolong Pegawai Hal Ekwil Islam/ Penolong
Pegawai Pustakawan/ Pembantu Pustakawan (Gred S19-S44)
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
19. Puan Adilah Nur binti Yahya
Kumpulan Pegawai Undang-undang/ Penolong Pegawai Undang-undang
(Gred L29-L44)
Unit Perundangan
20. Puan Nurul Hidayah binti Aman
Kumpulan Pegawai Undang-undang/ Penolong Pegawai Undang-undang
(Gred L29-L44)
Unit Perundangan
21. Puan Mazlina binti Mohd Rasit
Kumpulan Akauntan/ Juruaudit/ Penolong Akauntan/ Penolong Juruaudit
(Gred W29-W48)
Bahagian Kewangan
22. Puan Eliana binti Mahat @ Mazlan
Kumpulan Pegawai Perhubungan Awam/ Penolong Pegawai Perhubungan Awam
(Gred S29-S48)
Unit Komunikasi Korporat
23. Puan Emi Azreena binti Abd Ghani
Kumpulan Jurutera/ Jurutera Awam/ Juruukur Bahan/ Penolong Jurutera/ Arkitek/
Penolong Pegawai Senibina/ Pelukis Pelan/ Penjaga Jentera Elektrik
(Gred JA29-JA36/J19-J48)
Bahagian Pembangunan Prasarana

24. Encik Muhammad Noor Shuhaimi bin Ramli
Kumpulan Jurutera/ Jurutera Awam/ Juruukur Bahan/ Penolong Jurutera/ Arkitek/
Penolong Pegawai Senibina/ Pelukis Pelan/ Penjaga Jentera Elektrik
(Gred JA29-JA36/J19-J48)
Bahagian Pembangunan Prasarana
25. Encik Wan Mohd Rahimi bin Rahim
Kumpulan Pegawai Arkib/ Pegawai Psikologi/ Penolong Pegawai Psikologi/
Kurator/ Pegawai Hal Ekwil Islam/ Penolong Pegawai Hal Ekwil Islam/ Penolong
Pegawai Pustakawan/ Pembantu Pustakawan (Gred S19-S44)
Bahagian Pentadbiran
26. Encik Muhammad Shukri bin Mohd Nor
Kumpulan Pegawai Teknologi Maklumat/ Penolong Pegawai Teknologi Maklumat/
Juruteknik Komputer (Gred FT19-FT22/FA29-FA32/F41-F44)
Bahagian Pengurusan Maklumat
27. Puan Noor Atiqah binti Zulkepli
Kumpulan Pegawai Kebudayaan/ Pereka/ Fotografi (Gred B18-B48)
Bahagian Hubungan Antarabangsa Kebudayaan
28. Puan Musfaleza binti Mustapa
Kumpulan Penolong Pegawai Tadbir (Gred N29-N40)
Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan Pelancongan
29. Puan Siti Norhidayah binti Abd Aziz
Kumpulan Setiausaha Pejabat/ Pembantu Setiausaha Pejabat/ Pembantu Khas/
Pegawai Khidmat Pelanggan (Gred N19-N29)
Bahagian Pengurusan Acara
30. Puan Salwahaini binti Md Nasir
Kumpulan Setiausaha Pejabat/ Pembantu Setiausaha Pejabat/ Pembantu Khas/
Pegawai Khidmat Pelanggan (Gred N19-N29)
Bahagian Dasar Kebudayaan
31. Encik Khairilnizam Helmy bin Kamarul Zaman
Kumpulan Pembantu Tadbir Kanan (Gred N22-N26)
Bahagian Kewangan
32. Puan Khairiah binti Muhamad Khair
Kumpulan Pembantu Tadbir Kanan (Gred N22-N26)
Bahagian Pentadbiran

33. Encik Muhammad Hafizie Rizal Pung bin Abdullah
Kumpulan Pembantu Tadbir Pekerjaan/Operasi (Gred N19)
Bahagian Dasar Kebudayaan
34. Encik Asnizan bin Mat Sufi
Kumpulan Pembantu Tadbir Kewangan/ Pembantu Akauntan (Gred W19-W26)
Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan Pelancongan
35. Puan Nourul Izzaty binti Ridzwan
Kumpulan Pembantu Tadbir Kewangan/ Pembantu Akauntan (Gred W19-W26)
Pejabat MOTAC WP Kuala Lumpur/ Putrajaya
36. Puan Haslinda binti Omar
Kumpulan Pembantu Operasi (Gred N11-N14)
Bahagian Pembangunan Industri
37. Encik Jalani bin Ismail
Kumpulan Pemandu Kenderaan (Gred H11-H14)
Bahagian Pentadbiran
38. Encik Fahriza bin Mazli
Kumpulan Pemandu Kenderaan (Gred H11-H14)
Bahagian Pentadbiran

TIDAK HADIR DENGAN IZIN

PIHAK PEGAWAI

1. Puan Jumaiyah binti Mohd Ali
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Maklumat

PIHAK PEKERJA

2. Encik Ku Shahril Azli bin Ku Shaari
Kumpulan Pegawai Kebudayaan/ Pereka/ Fotografi (Gred B18-B48)
Bahagian Pengurusan Acara

3. Encik Rozli bin Abdul Rani
Kumpulan Penolong Pegawai Tadbir (Gred N29-N40)
Pejabat MOTAC Negeri Pahang
4. Puan Siti Raihana binti Abdullah
Kumpulan Pembantu Tadbir Pekeranian/Operasi (Gred N19)
Pejabat MOTAC Negeri Johor
5. Encik Mohd Sabri bin Abd Rahman
Kumpulan Pembantu Operasi (Gred N11-N14)
Pejabat Timbalan Menteri

URUS SETIA

1. Puan Nurul Ain binti Jumaat
Penolong Setiausaha BPSM
2. Puan Farhanah binti Abdullah
Pembantu Tadbir, BPSM

1.0 PERUTUSAN Pengerusi

1.1 YBhg. Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir ke Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) MOTAC Bilangan 1 tahun 2024. YBhg. Dato' Pengerusi juga ingin mengambil kesempatan mengucapkan Selamat Hari Wilayah Persekutuan yang ke-50 dan Selamat Tahun Baharu Cina kepada warga MOTAC berbangsa Cina yang menyambut perayaan ini pada 10 dan 11 Februari 2024 ini.

1.2 Pelaksanaan Mesyuarat MBJ tahun 2023

1.2.1 Pada tahun 2023, mesyuarat MBJ telah diadakan sebanyak tiga (3) kali iaitu seperti berikut:-

- a) Bilangan 1 Tahun 2023 pada 16 Februari 2023 di MOTAC;
- b) Bilangan 2 Tahun 2023 pada 9 Jun 2023 di Hotel Cititel, Pulau Pinang; dan
- c) Bilangan 3 Tahun 2023 pada 8 November 2023 di Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara, Kuala Lumpur.

1.3 Pengenalan Ahli Majlis MBJ Bagi Sesi 2023 – 2024

1.3.1 Seramai 13 Pihak Pegawai dan 30 Pihak Pekerja telah dilantik bagi sesi 2023 - 2024 dan senarai nama seperti berikut:-

a) Pihak Pegawai

BIL	NAMA	JAWATAN	WAKIL PIHAK PEGAWAI
1.	YBhg. Dato' Roslan Tan Sri Abdul Rahman	KSU	PENGERUSI
2.	YBhg. Dato' Shahrudin bin Abu Sohot	TKSU (P)	AHLI
3.	Puan Nawiah binti Mohet	SUB (A)	AHLI
4.	Puan Siti Nor binti Minu	SUB (K)	AHLI
5.	Encik Shafarin bin Nasuredin	SUB (BPSM)	AHLI
6.	Puan Jumaiyah binti Mohd Ali	SUB (BPM)	AHLI
7.	Puan Aini Zulfa binti Abd Rahim	SUB (T)	AHLI
8.	Kosong	KPSUK (K)	AHLI
9.	Puan Fatimah Nazaliza binti Mohd Nasir	KPSUK (PSM)	AHLI
10.	Puan Noorziehan binti Sidin	KPSU (PSM)	AHLI
11.	Encik Shankaran a/l Ramasomdram	KPSU (PSM)	SETIAUSAHA
12.	Encik Ahmad Alsraf bin Ahmad Mokhtar	Pengarah	WAKIL MaTiC
13.	Encik Mohd Khairul bin Kassim	Presiden	WAKIL KSKS

b) Pihak Pekerja

BIL	KUMPULAN JAWATAN	PENGERUSI	TIMB. PENERUSI
1.	Jurutera/Juruukur Bahan/Penolong Jurutera/ Arkitek/ Penolong Pegawai Senibina/ Pelukis Pelan/ Penjaga Jentera Elektrik (Gred J19-J48/ JA29- JA38)	Puan Emi Azreena binti Abd Ghani (Bahagian Pembangunan Prasarana)	Encik Muhamad Noor Shuhaimi bin Ramli (Bahagian Pentadbiran)
2.	Pegawai Tadbir Dan Diplomatik (Gred M41-M48)	Encik Mohd Firdaus bin Mohamed Ramli (Bahagian Pembangunan Prasarana) (Pengerusi Pihak Pekerja)	Puan Zurina binti Zainal Abidin Shah (Pejabat MOTAC Negeri Sarawak)
3.	Pegawai/ Penolong Pegawai Undang- Undang (Gred L29-L44)	Puan Adilah Nur binti Yahya (Unit Perundangan)	Puan Nurul Hidayah binti Aman (Unit Perundangan)
4.	Pegawai / Penolong Pegawai Perhubungan Awam (Gred S19-S44)	Puan Wan Hakimah binti Abd Rahim (Unit Komunikasi Korporat)	Puan Eliana binti Mahat@ Mazlan (Unit Komunikasi Korporat)
5.	Pegawai/ Penolong Pegawai Teknologi Maklumat/ Juruteknik Komputer (Gred F41-F48/ FA29- FA38/ FT19-FT22)	Puan Nurul Ashikin binti Samat (Bahagian Pengurusan Maklumat) (Setiausaha Pihak Pekerja)	Encik Muhammad Shukri bin Mohd Nor (Bahagian Pengurusan Maklumat)
6.	Pegawai/ Penolong Pegawai/ Pembantu Pustakawan/ Psikologi/ Arkib/Hal Ehwal Islam/ Kurator (Gred S19-S44)	Encik Zul Hilmi bin Suhaimi @ Bainah <i>Bahagian Pengurusan Sumber Manusia</i>	Encik Wan Mohd Rahimi bin Rahim <i>Bahagian Pentadbiran</i>

BIL	KUMPULAN JAWATAN	PENGERUSI	TIMB. PENGERUSI
7.	Akauntan/ Penolong Akauntan/ Juruaudit/ Penolong Juruaudit (Gred W/WA29-W/WA48)	Puan Jojo Lizawaty binti Salim <i>Bahagian Akaun</i> (Timbalan Pengerusi Pihak Pekerja)	Puan Mazlina binti Mohd Rasit <i>Bahagian Kewangan</i>
8.	Pembantu Tadbir Kewangan/ Pembantu Akauntan (Gred W19-W26)	Encik Mohd Asnizan bin Mat Sufi <i>Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan Pelancongan</i>	Puan Nourul Izzaty binti Ridzwan <i>Pejabat MOTAC KL/ Putrajaya</i>
9.	Pegawai Kebudayaan/ Pereka/Fotografi (Gred B41-B48)	Encik Ku Shahril bin Ku Shaari <i>Bahagian Pengurusan Acara</i>	Puan Nor Atiqah binti Zulkepli <i>Bahagian Hubungan Antarabangsa Kebudayaan</i>
10.	Penolong Pegawai Tadbir (Gred N29-N40)	Puan Musfaleza binti Mustapa <i>Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan Pelancongan</i>	Encik Rozli bin Abdul Rani <i>Pejabat MOTAC Negeri Pahang</i>
11.	Setiausaha/Pembantu Setiausaha Pejabat/ Pembantu Khas/ Pegawai Khidmat Pelanggan (Gred N19-N36)	Puan Siti Nurhidayah binti Abd Aziz <i>Bahagian Pengurusan Acara</i>	Puan Salwahaini binti Md Nasir <i>Bahagian Dasar Kebudayaan</i>
12.	Pembantu Tadbir Kanan (Gred N22-N26)	Encik Khairilnizam Helmy bin Kamarul Zaman <i>Bahagian Kewangan</i>	Puan Khairiah binti Muhamad Khair <i>Bahagian Pentadbiran</i>

BIL	KUMPULAN JAWATAN	PENGERUSI	TIMB. PENGERUSI
13.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) (Gred N19)	Encik Muhammad Hafizie Rizal Pung bin Abdullah <i>Bahagian Dasar Kebudayaan</i>	Puan Siti Raihana binti Abdullah <i>Pejabat MOTAC Negeri Johor</i>
14.	Pembantu Operasi (Gred N11/N16)	Puan Haslinda binti Omar <i>Bahagian Pembangunan Industri</i>	Encik Mohd Sabri bin Abd Rahman <i>Pejabat Timbalan Menteri</i>
15.	Pemandu Kenderaan (Gred H11/H16)	Encik Fahriza bin Mazli <i>Bahagian Pentadbiran</i>	Encik Jalani bin Ismail <i>Bahagian Pentadbiran</i>

1.4 Sesi penyampaian sijil pelantikan kepada Pihak pekerja.

- a) Puan Nurul Ashikin binti Samat, Pengerusi Skim Pegawai/ Penolong Pegawai Teknologi Maklumat/ Juruteknik Komputer (Gred F41-F48/ FA29-FA38/ FT19-FT22) telah dilantik sebagai **Setiausaha Pihak Pekerja** menggantikan Puan Nuriqa yang telah bertukar keluar; dan
- b) Encik Wan Mohd Rahimi bin Rahim, Pegawai Arkib Gred S41 telah dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Skim Pegawai/ Penolong Pegawai/ Pembantu Pustakawan/ Psikologi/ Arkib/Hal Ehwal Islam/ Kurator (Gred S19-S44).

1.3 Status usul dan cadangan MBJ bagi bagi tahun 2023 adalah seperti berikut:-

Bilangan 1/2023	Bilangan 2/2023	Bilangan 3/2023
35 usul	45 usul	17 usul
10 telah selesai	32 telah selesai	5 telah selesai
25 belum selesai	13 belum selesai	12 belum selesai

1.4 SENARAI PENCAPAIAN MBJ TAHUN 2023

1.4.1 Pada tahun 2023, terdapat beberapa perkara yang telah berjaya diselesaikan seperti berikut:-

- a) Label ruangan tempat letak kereta;
- b) Pemeriksaan Kesihatan wajib warga MOTAC yang berumur 40 tahun ke atas;
- c) *Car boot sales* semasa Hari Sukan Negara @ MOTAC 2023;
- d) Migrasi emel ke MyGOVUC (storan & kapasiti 1TB);
- e) Pengukuhan Urus Setia Pejabat Negeri & perjawatan di MOTAC Negeri;
- f) Pemasangan lagu berunsur kebudayaan di lobi MOTAC;
- g) Penguatkuasaan pemakaian pas pekerja & sistem keselamatan pintu pejabat;
- h) Tanda arah laluan kenderaan di *basement*;
- i) Penganjuran Sambutan Bulan Bahasa;
- j) Pengisian jawatan PPS J36 di MaTiC;
- k) Pemilihan peserta kursus secara terbuka bagi kursus-kursus generik;
- l) Ujian Psikologi secara dalam talian bagi memperkasa Kesihatan mental warga MOTAC;
- m) Menaik taraf kelengkapan di Dewan Sanggar Pujangga, MOTAC;
- n) Kenderaan jabatan di Pejabat MOTAC Negeri;
- o) Pelaksanaan pelekat kenderaan di MOTAC & baju korporat rasmi MOTAC;
- p) Sewaan laptop dengan spesifikasi yang lebih baik;
- q) Arahan Pentadbiran/ hebahan yang kerap dan efektif kepada warga MOTAC; dan
- r) Pelaksanaan MBJ Bil.2/2023 di Pulau Pinang.

1.5 PELUASAN KEMUDAHAN BAYARAN PAKAIAN MENGHADIRI UPACARA RASMI UNTUK MELIPUTI PAKAIAN BATIK MALAYSIA

1.5.1 Bagi menambah baik dan mengemas kini peraturan yang sedang berkuat kuasa, tafsiran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi di bawah MyPPSM Ceraian SR 1.2.2.: Bayaran Pakaian Istiadat, Bantuan Bayaran Pakaian Black Tie dan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi (BPMUR) telah ditambah baik dengan memasukkan Pakaian Batik Malaysia bagi Lelaki atau pakaian yang bersesuaian bagi wanita termasuk Pakaian Batik Malaysia semasa dikehendaki menghadiri upacara rasmi untuk menerima Bintang atau pingat dalam Majlis-Majlis Istiadat Pengurniaan Bintang atau bertugas rasmi di Parlimen atau Dewan Undangan Negeri.

1.6 PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERSONEL MySTEP DI BAWAH INISIATIF MALAYSIA *SHORT-TERM EMPLOYMENT PROGRAMME* (MySTEP) TAHUN 2024

- 1.6.1 Kerajaan telah memutuskan supaya inisiatif MySTEP diteruskan pada tahun 2024. Inisiatif ini diperluaskan kepada golongan sasar termasuk OKU dan warga emas dengan memberi peluang pekerjaan di sektor awam dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC).
- 1.6.2 Perolehan Perkhidmatan MySTEP ini hendaklah dilaksanakan berdasarkan peraturan dan tatacara sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan Perolehan Perkhidmatan Personel MySTEP yang berkuatkuasa mulai **1 Januari 2024**.

1.7 PENGAMBILAN PEGAWAI BAHARU SECARA LANTIKAN KONTRAK (*CONTRACT OF SERVICE (COS)*) DALAM PERKHIDMATAN AWAM

- 1.7.1 Kerajaan melalui mesyuarat Jemaah Menteri pada 1 Julai 2023 telah bersetuju supaya **pengambilan pegawai awam** ke perjawatan tetap akan dilaksanakan **secara lantikan kontrak (COS)** berkuat kuasa mulai **1 Februari 2024**. Pengambilan secara lantikan kontrak ini adalah merupakan **langkah interim (bersifat sementara)** ke arah pelaksanaan kaedah baharu lantikan tetap pegawai awam yang akan melibatkan pindaan Akta yang berkaitan.
- 1.7.2 Pegawai yang dilantik menerusi lantikan kontrak (interim) ini akan **dilantik secara tetap** menerusi kaedah baharu di bawah **sistem saraan perkhidmatan awam** yang akan dimuktamadkan kelak. Lantikan ke jawatan tetap ini juga tertakluk kepada **prestasi dan perakuan Ketua Jabatan** selanjutnya.
- 1.7.3 Pelantikan ini adalah berdasarkan peraturan dan dasar semasa yang berkuat kuasa iaitu Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian UP.1.1.1 Prosedur dan Dasar Pelantikan Secara Kontrak (COS).

1.8 PENGEMASKINIAN MAKLUMAT DAN DATA SEMUA PENJAWAT AWAM DALAM PANGKALAN DATA UTAMA (PADU)

- 1.8.1 **Sistem Pangkalan Data Utama (PADU)** telah diluncurkan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia pada 2 Januari 2024. PADU merupakan suatu sistem yang mengandungi profil individu dan isi rumah meliputi warganegara dan pemastautin tetap berumur 18 tahun ke atas di Malaysia.
- 1.8.2 YAB Perdana Menteri semasa mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) Bil.1/2024 pada 14 Januari 2024 telah meminta supaya semua penjawat awam **mengemas kini maklumat dan data dalam sistem PADU** dengan kadar segera selewat-lewatnya pada **15 Februari 2024** melalui pautan <https://www.padu.gov.my>. KSU memohon warga MOTAC melengkapkan data sebelum 15 Februari 2024.

1.9 PELAKSANAAN PROGRAM 'AI UNTUK RAKYAT' DALAM KALANGAN PENJAWAT AWAM

- 1.9.1 **Program 'AI Untuk Rakyat'** merupakan **program pembelajaran secara dalam talian** selama 4 jam bagi **meningkatkan kesedaran** orang ramai terhadap **teknologi AI**. Justeru itu, warga MOTAC wajib melengkapkan program pembelajaran tersebut bagi memperoleh **lencana 'AI Aware' dan 'AI Appreciate'** sebagai langkah untuk memastikan peningkatan kesedaran penjawat awam terhadap penggunaan teknologi termaju.
- 1.9.2 Program ini akan diambil kira sebagai **4 jam waktu berkursus** dan dimohon untuk melengkapkan pembelajaran tersebut selewat-lewatnya sebelum atau pada **15 Februari 2024 (Khamis)**.

1.10 KEPUTUSAN PANEL PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA (LATIHAN)

1.10.1 Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) Pelan Operasi Latihan (POL) Bil.1/2024 pada **5 Februari 2024** telah memutuskan beberapa perkara berikut:

- a) Mewajibkan lima (5) hari berkursus kepada semua pegawai dan kakitangan MOTAC dan tiga (3) hari berkursus kepada semua pemandu bagi tahun 2024; defensive driving perlu ditawarkan kursus ini kepada pemandu;
- b) Bahagian dan Unit yang melaksanakan program latihan perlu mendapatkan ulasan BPSM bagi tujuan penyelarasan bajet latihan yang diletakkan secara keseluruhannya di bawah BPSM bagi tahun 2024;
- c) Selaras dengan surat Ketua Setiausaha Negara (KSN) bertarikh 18 Oktober 2023 iaitu Arahan Kawalan Perbelanjaan Awam Kementerian/ Jabatan, pemilihan tempat bagi pelaksanaan kursus pada tahun 2024 hendaklah mengutamakan Institut Latihan Awam (ILA) dan sekiranya ILA tidak tersedia, hotel yang dipilih hendaklah mengikut kelayakan yang ditetapkan; dan
- d) Permohonan bagi penyertaan persidangan, seminar/ bengkel anjuran pihak luar/ swasta akan dipertimbangkan mengikut keperluan dan peruntukan semasa.

1.11 PELANJUTAN TEMPOH PENGURUSAN PRESTASI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL SERTA KUMPULAN PELAKSANA SECARA *DUAL SYSTEM* SEHINGGA 31 DISEMBER 2024

1.11.1 Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam melalui surat bertarikh 19 Januari 2024 telah memaklumkan mengenai pelanjutan tempoh penilaian prestasi secara *dual system* ini yang pada asalnya ditetapkan selama dua (2) tahun bermula 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2023.

1.11.2 Tempoh pelanjutan ini adalah berikutan pelaksanaan Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam yang sedang dijalankan dan akan dimuktamadkan pada penghujung tahun 2024. Untuk makluman tuan/ puan, salah satu

aspek kajian tersebut melibatkan aspek penilaian prestasi perkhidmatan awam secara keseluruhannya.

- 1.11.3 Justeru itu, pelaksanaan sepenuhnya *MyPerformance* bagi menggantikan sistem penilaian prestasi LNPT HRMIS akan bermula pada **1 Januari 2025**.

2.0 PERUTUSAN Pengerusi Pihak Pekerja

- 2.1 YBrs. Pengerusi Pihak Pekerja mengucapkan salam kepada YBhg. Dato' Pengerusi, wakil-wakil Pihak Pegawai, wakil-wakil Pihak Pekerja dan urus setia MBJ MOTAC.
- 2.2 YBrs. Pengerusi Pihak Pekerja mengucapkan ribuan terima kasih kepada wakil-wakil Pihak Pegawai di atas kerjasama yang telah diberikan berhubung isu-isu yang telah disuarakan dan hasil kerjasama tersebut beberapa isu telah diselesaikan antaranya seperti berikut:-
 - a) BPM: Peralihan emel *outlook* kepada MyGovUC 2.0 yang telah menyediakan kapasiti lebih besar dan menyediakan laptop yang lebih berkualiti; dan
 - b) BT: isu-isu telah dibangkitkan telah diselesaikan dengan jayanya.
- 2.3 YBrs. Pengerusi Pihak Pekerja memohon Pihak Pekerja sentiasa menjadi nilai tambah dan memastikan keharmonian di pejabat.

Makluman

3.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

- 3.1 Minit mesyuarat MBJ MOTAC Bilangan 3 Tahun 2023 bertarikh 8 November 2023 telah disahkan tanpa sebarang pindaan.

4.0 PERBINCANGAN PERKARA BERBANGKIT (DARIPADA MESYUARAT BILANGAN 3 TAHUN 2023)

4.1 Langganan aplikasi *Google Looker Studio* dan *Kahoot*

- 4.1.1 Justifikasi mengenai perkara ini masih belum diterima oleh BPM. Sekiranya Pihak Pekerja perlukan maklumat lanjut mengenai justifikasi yang diperlukan, dimohon Pihak Pekerja mengaturkan perbincangan bersama BPM bagi memudahcara tindakan selanjutnya.
- 4.1.2 Oleh yang demikian, YBrs. Tuan Pihak Pekerja memohon sedikit masa untuk Pihak Pekerja menyediakan data.

Makluman

4.2 Platform (bengkel/ mesyuarat/ kursus/ konvesyen) berkaitan kewangan

- 4.2.1 Selaras dengan permintaan MBJ supaya diwujudkan platform (bengkel/ mesyuarat/ kursus/ konvesyen) berkaitan kewangan, Bahagian Kewangan (BK) telah/ akan menganjurkan sesi libat urus seperti berikut:
 - a) 16 Januari 2024 (Selasa); dan
 - b) 16 Julai 2024 (Selasa).
- 4.2.2 Kekerapan sesi libat urus akan ditingkatkan selaras dengan keperluan dari semasa ke semasa sekiranya terdapat pindaan peraturan/ pekeliling atau terdapat arahan terkini dikeluarkan agensi pusat.
- 4.2.3 Semua Bahagian, Jabatan dan Agensi disaran supaya tidak menunggu sesi libat urus diadakan untuk mendapat khidmat nasihat dari BK dan Bahagian Akaun (BA). Pegawai-pegawai BK/BA sentiasa bersedia memberi khidmat nasihat apabila diperlukan. Lazimnya maklumat penyelarasan disampaikan kepada pegawai-pegawai perhubungan di peringkat Bahagian/ Jabatan dan Agensi dengan peringatan supaya perkara berkenaan dimaklumkan atau diberi penjelasan dalam mesyuarat pengurusan Bahagian/Jabatan/Agensi masing-masing.
- 4.2.4 BK sentiasa menerima arahan kewangan daripada Agensi Pusat dengan kuat kuasa serta merta. Oleh itu, agak sukar BK merancang sesi libat urus secara berkala. Oleh yang demikian, warga MOTAC hendaklah sentiasa melayari laman sesawang Kementerian Kewangan untuk melihat pekeliling-pekelingan kewangan yang terbaharu dan mematuhi arahan-arahan terkini.

Makluman

4.3 Sewaan *mobile kioks* kepada pengusaha Karyaneka

4.3.1 BK tiada halangan dengan syarat mematuhi peraturan berkuatkuasa atau memohon pengecualian sewaan - di mana bersesuaian. Mohon BT selaraskan dengan Karyaneka/ PKKM.

Makluman

4.4 Kursus Pemantapan Pegawai Kader kepada pegawai-pegawai skim J

4.4.1 Sesi libat urus akan diadakan pada **15 Februari 2024** melibatkan skim J di MOTAC.

Makluman

4.5 Kursus/ bengkel tatacara dan etika pemakaian ke pejabat

4.5.1 Taklimat etika pakaian penjawat awam merupakan salah satu modul yang dimasukkan di bawah Program Transformasi Minda dan juga Program Orientasi Pegawai Baharu MOTAC yang diadakan pada setiap tahun.

4.5.2 Selain itu, Unit Integriti telah membuat hebahan berkenaan etika pakaian penjawat awam melalui *postmaster* bertarikh **10 dan 12 Januari 2024**.

Makluman

4.6 Pembentangan analisa statistik dan hasil dapatan soal selidik Kajian Kepuasan Bekerja, MOTAC

4.6.1 Pelaksanaan kajian Kepuasan Bekerja MOTAC 2023 telah dilaksanakan. Pengumpulan data dibuat dengan mengedarkan Borang Soal Selidik secara dalam talian di Ibu Pejabat dan MOTAC Negeri melalui emel bertarikh **30 November 2023 (Khamis)**. Setiap Bahagian dan Pejabat MOTAC Negeri diberi tempoh sehingga 29 Disember 2023 (Jumaat) untuk menjawab kajian tersebut. Proses penganalisan data sedang dijalankan pada bulan Januari dan laporan kajian akan dibentangkan terlebih dahulu kepada Dato' TKSU(P) pada awal bulan Februari. Laporan Kajian Kepuasan Bekerja MOTAC telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Pengurusan MOTAC dan mesyuarat MBJ.

4.6.2 YBhg. Dato' Pengerusi mencadangkan supaya KSKS mengadakan Malam Gala pada bulan Julai 2024 bagi memupuk keharmonian dikalangan warga MOTAC.

Makluman

4.7 Upacara atau langkah-langkah pencegahan untuk perkara mistik (penampakan, gangguan)

4.7.1 Pihak BT telah memohon kerjasama daripada Unit Penerapan Nilai-Nilai Murni, BPSM untuk menyelaraskan pelaksanaan langkah pencegahan untuk perkara mistik di bangunan MOTAC tersebut.

4.7.2 Pada masa yang sama, pihak BT akan membantu dari aspek persediaan logistik yang diperlukan.

4.7.3 Pihak BT telah berbincang dengan Darus Syifa dan akan melaksanakan bagi tempoh 3 hari di Bangunan MOTAC.

4.7.4 Oleh yang demikian, KSU memohon warga MOTAC sentiasa menjaga kebersihan di pejabat, pastikan tiada sisa makanan ditinggalkan selepas waktu pejabat untuk mengelakkan gangguan makhluk halus.

Makluman

4.8 Pertukaran *operator cafe* kepada pengusaha Melayu

4.8.1 Adalah dimaklumkan bahawa kontrak operator cafe akan tamat pada tahun 2025. Oleh yang demikian, pertukaran operator café akan dibuat selepas tamat kontrak tersebut.

Makluman

4.9 Susun atur kon keselamatan (oren) di ruang lobi utama

4.9.1 Adalah dimaklumkan bahawa susun atur kon telah diperkemaskan dan diselaraskan pada 29 Ogos 2023.

Makluman

4.10 Pemasangan loceng di setiap pintu utama (setiap aras dan bahagian)

- 4.10.1 Mesyuarat mengambil maklum bahawa BT telah membuat pelawaan e-perolehan bagi kerja-kerja penyelenggaraan dan naik taraf sistem interkom di aras-aras MOTAC. Sistem ini merangkumi kemudahan loceng, *remote* dan *video-door-phone*. Kerja-kerja penyelenggaraan dan naik taraf ini dijangka selesai pada bulan **Februari 2024**.

Makluman

4.11 Arahan Pentadbiran/ hebahan yang lebih kerap dan efektif kepada warga MOTAC

- 4.11.1 Adalah dimaklumkan bahawa Garis Panduan Sistem Pengurusan Pelekat Kenderaan telah diedarkan pada **19 Oktober 2023** dan Garis Panduan Membuat Hebahan/ Pengumuman Melalui Siaraya Di Bangunan MOTAC dan Garis panduan Kad Pengenalan Jabatan telah dikeluarkan pada **16 November 2023**.

- 4.11.2 Arahan/Garis Panduan tersebut telah dimuatnaik di dalam INTRANet MOTAC dan akan dibuat hebahan secara berkala melalui emel *postmaster*.

Makluman

4.12 Siaran lagu-lagu kebudayaan di ruang lobi MOTAC

- 4.12.1 BT telah memohon kerjasama pihak JKKN untuk berkongsi lagu-lagu *instrumental* berbentuk kebudayaan dan akan dipasang di ruang lobi.

Makluman

5.0 USUL/ CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA

5.1 Pembangunan sistem *helpdesk* (seperti sistem aduan yang telah dibangunkan oleh BPM)

5.1.1 Pihak Pekerja memohon supaya BT menyediakan platform sistem *helpdesk* bagi aduan penyelenggaraan, selain daripada saluran melalui Mesyuarat JKPP dan permohonan melalui emel. Ini bagi memastikan setiap laporan dapat dibuat dengan lebih cepat dan tindakan dapat diambil dengan segera.

5.1.1 Oleh yang demikian, BT akan melantik wakil-wakil bahagian untuk memajukan usul dan cadangan supaya sistem *helpdesk* ini dapat dibangunkan.

Tindakan : BT

5.2 Permohonan penggantian komputer ke jenama Lenovo / terbaharu sebanyak sembilan (9) unit untuk Pembantu Operasi (PO)

5.2.1 Pihak Pekerja PO memohon supaya menggantikan komputer sedia ada ke jenama Lenovo bagi memudahkan perjalanan kerja harian untuk PO. Ini kerana terdapat PO yang masih menggunakan komputer Lenovo jenis skrin besar dan *performance* yang perlahan.

5.2.2 Untuk makluman ahli mesyuarat, buat masa ini BPM telah mengagihkan komputer riba & PC kepada warga MOTAC. BPM akan mengambil tindakan untuk menyelenggara komputer sedia ada. Oleh yang demikian, perkara ini akan dimasukkan dalam mesyuarat JPICT.

Tindakan: BPM

5.3 Pemakluman tuntutan kepada pegawai

5.3.1 Terdapat cadangan supaya BK memaklumkan kepada pegawai sekiranya tuntutan yang dibuat tidak layak atau perlu di potong/kuiri seperti makluman melalui panggilan telefon atau emel.

5.3.2 Untuk makluman, tiada dalam SOP pegawai di BK untuk maklumkan kepada semua warga MOTAC. Jika pegawai ingin mengetahui status pemotongan tuntutan, pegawai bolehlah berhubung terus dengan pegawai di BK.

5.3.3 YBhg. Dato' Pengerusi menegaskan supaya dikenakan tatatertib kepada pegawai yang membuat tuntutan palsu.

Makluman

5.4 Penganjuran *team building* untuk pegawai P&P bersama pengurusan tertinggi MOTAC

5.4.1 Terdapat permohonan untuk diadakan *team building* bagi pegawai P&P bersama pengurusan tertinggi MOTAC

5.4.2 Oleh yang demikian, YBhg. Dato' Pengerusi mengesyorkan supaya kursus ini diadakan mengikut sektor.

Tindakan : BPSM

5.5 Laluan akses ke gimnasium adalah terhad, mohon semakan semula

5.5.1 Wakil skim MBJ memohon supaya gimnasium di aras 4 dapat digunakan kerana buat masa ini laluan ke gimnasium tersebut adalah terhad kerana warga MOTAC perlu melalui salah satu Tourism Malaysia (TM).

5.5.2 Oleh yang demikian, TKSU (P) mencadangkan supaya warga MOTAC menggunakan pas khas untuk laluan ke gimnasium tersebut dan YBhg. Dato' KSU memohon supaya BT menyediakan 20 pas khas bagi pengguna gymnasium tersebut.

Tindakan : BT

5.6 Mesin photostat SHARP sering mengalami masalah *connection*

5.6.1 Adalah dimaklumkan bahawa mesin Photostat SHARP kerap mengalami masalah *connection* dengan komputer pegawai. Selain itu, *technician* (vendor) yang datang untuk membaikpulih pula akan hadir pada waktu rehat menyebabkan tiada pegawai di meja.

5.6.2 Oleh yang demikian, BT memohon supaya pengguna menghubungi nombor telefon yang tertera di mesin fotostat tersebut bagi sebarang kerosakan yang dihadapi.

Makluman

5.7 Permohonan penyelenggaraan padang bola tampar

5.7.1 Wakil Pekerja memohon agar padang bola tampar yang terdapat di belakang bangunan MOTAC diperbaiki supaya dapat dimanfaatkan oleh warga MOTAC. Selain itu, disyorkan juga supaya padang tersebut dibuka untuk sewaan Dimana ianya boleh menjana pendapatan KSKS.

5.7.2 Oleh yang demikian, YBhg. Dato' Pengerusi memohon supaya kos penyelenggaraan ini ditanggung oleh KSKS.

Tindakan : BT & KSKS

5.8 Tempahan dewan bertindih dengan acara/ program lain

5.8.1 Adalah dimaklumkan bahawa terdapat tempahan dewan bertindih dengan acara/ program lain yang perlu diberi keutamaan. Terdapat acara yang telah dirancang kadangkala melibatkan pihak luar dan peserta daripada luar MOTAC dan pembatalan di saat akhir kadang kala memberikan kesukaran kepada pihak urus setia.

5.8.2 Oleh yang demikian, YBhg. Dato' KSU memohon BT maklum kepada pejabat pengurusan tertinggi jika dewan telah ditempah.

Makluman

5.9 Pemantapan koleksi bacaan di Perpustakaan MOTAC

5.9.1 Wakil skim MBJ mencadangkan perolehan dan pemantapan koleksi bacaan perpustakaan yang terkini disediakan. Untuk makluman, koleksi sedia ada telah *outdated* dan tidak banyak koleksi terkini berkaitan pelancongan dan kebudayaan. Selain itu, terdapat kesulitan kepada warga MOTAC yang ingin membuat rujukan dan kajian segera

Tindakan: BT

5.10 Bekalan baju hujan kepada Pembantu Operasi

5.10.1 Wakil skim MBJ memohon bekalan baju hujan yang baharu dan berkualiti untuk 10 orang Pembantu Operasi (PO) yang terlibat dengan penghantaran surat di luar pejabat MOTAC. Untuk makluman, kali terakhir baju hujan dibekalkan kepada PO adalah pada tahun 2018.

5.10.1 Berdasarkan semakan didapati bahawa tiada kelayakan bagi perkara ini di dalam pekeliling. Namun begitu, BT akan menyediakan perolehan baju hujan jenama JIVI.

5.10.2 Namun begitu, KSU maklum jika tiada kelayakan, tidak perlu dibuat perolehan tersebut.

Tindakan: BT

5.11 Sudut/ papan kenyataan untuk *display* barangan yang dijual oleh KSKS

5.11.1 Wakil skim MBJ mencadangkan disediakan sudut /papan kenyataan untuk pameran barangan yang dijual oleh KSKS supaya dapat menjana pendapatan KSKS dan menarik minat KSKS untuk membeli dan menyokong aktiviti KSKS.

5.11.2 Oleh yang demikian, BT akan menyediakan papan kenyataan di lobi.

Makluman

5.12 Tempat letak kenderaan bagi pelanggan MM2H

5.12.1 Wakil skim MBJ mencadangkan kawasan lapang (padang) yang terdapat di kawasan Hotel Double Tree digunapakai sebagai tempat letak kereta (TLK) untuk pelanggan MM2H, memandangkan kawasan TLK di luar dan dalam bangunan MOTAC adalah terhad. Sejak tahun 2024, TLK luar dan dalam MOTAC mengalami kesesakan. Kenderaan yang diletakkan di tepi jalan berisiko disaman oleh Perbadanan Putrajaya (PPj).

5.12.2 Oleh itu, YBhg. Dato' KSU memohon supaya BT semak dengan PPj berhubung cadangan ini. YBhg. Dato' KSU memohon BT menyediakan surat dengan ditandatangani oleh YBhg. Dato' KSU kepada Presiden PPj untuk permohonan menggunakan tanah di hadapan bangunan MOTAC.

Tindakan : BT


6.0 Cadangan Pelaksanaan Mesyuarat MBJ MOTAC Bilangan 2/2024

6.1 YBhg. Dato' KSU Bilangan 2 Tahun 2024 mencadangkan mesyuarat MBJ Bilangan 2/2024 diadakan di negeri Melaka bersempena Tahun Melawat Melaka Tahun 2024. Manakala mesyuarat MBJ Bilangan 3 Tahun 2024 diadakan Institut Kraf Negara.

7.0 PENUTUP

YBhg. Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.00 tengah hari.

Disediakan oleh:




.....
(NURUL AIN BINTI JUMAAT)

Urus Setia

Majlis Bersama Jabatan

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya

Disemak oleh:



.....
(SHANKARAN A/L RAMASOMDRAM)

Setiausaha Pihak Pegawai

Majlis Bersama Jabatan

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya



.....
(NURUL ASHIKIN BINTI SAMAT)

Setiausaha Pihak Pekerja

Majlis Bersama Jabatan

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya